

7 MAR 1996

PM BERLEPAS UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE VIETNAM

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Vietnam hari ini untuk memulakan lawatan kerja selama tiga hari atas undangan Perdana Menteri Vietnam Encik Vo Van Kiet.

Perdana Menteri diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa orang menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Rombongan kira-kira 30 orang itu turut disertai Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kerk Choo Ting.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan rombongan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam dan Timbalan Menteri Pertanian Datuk Tengku Mahmood Tengku Mansor.

Kali terakhir Dr Mahathir melawat Vietnam ialah pada tahun 1992.

Tujuan lawatan beliau kali ini ialah untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan memperluas skop kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan dengan Van Kiet dan melakukan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Encik Do Muoi dan Presiden Vietnam Encik Le Duc Anh.

Perdana Menteri akan melawat beberapa syarikat Malaysia yang beroperasi di sana serta beberapa tapak projek usahasama Malaysia-Vietnam. Beliau juga akan melancarkan penjualan kereta Proton Wira di negara itu. -- BERNAMA

AFY MOK